

21/04/2003

Sistem kehidupan pincang jika sifat amanah diketepi

Dr Mohd Azam Rauzan

ZAMAN ini adalah zaman materialis. Ini tidak dapat dinafikan sesiapa pun.

Manusia sanggup melakukan apa saja bagi mendapatkan sesuatu untuk kepuasan diri. Manusia sememangnya dipengaruhi nafsu dan kerana nafsu juga manusia boleh lupa diri.

Mereka yang gilakan kuasa akan menggunakan kekuasaan yang ada untuk menindas yang lemah manakala si miskin sanggup melakukan apa saja untuk mendapatkan wang agar menjadi kaya. Inilah lumrah manusia. Semuanya berlaku di depan mata kita di dunia yang fana ini.

Di tengah-tengah tumpuan terhadap Iraq diceroboh, kisah penangkapan beberapa pekerja Pos Malaysia yang disyaki mencuri 10,000 surat memikat perhatian umum, minggu lalu. Berita itu disiarkan di muka depan akhbar tempatan, sama pentingnya dengan laporan kehancuran sebuah tamadun Islam-Iraq.

Tiga pekerja pos ditahan polis ketika membawa surat berkenaan dengan sebuah kereta dalam sekatan jalan raya di Johor Bahru. Syabas kepada pihak

polis yang cekap menghidu salah laku pekerja terbabit.

Walaupun ini bukan kejadian pertama seumpamanya berlaku di negara ini, kecurangan yang membabitkan beberapa pekerja Pos Malaysia itu sedikit sebanyak mencemarkan imej Pos Malaysia secara keseluruhan.

Tidak perlulah kita pertikaikan sama ada kandungan surat itu penting atau tidak. Sama ada ia surat cinta, surat anak kepada ibu atau bapa, kiriman wang pos, surat permohonan pelajar memasuki institusi pengajian tinggi, hatta surat saman sekalipun, ia tetap penting kepada penerimanya.

Bayangkan kita adalah salah seorang penerima surat itu. Tidakkah kegagalan surat itu diterima mungkin menyebabkan pelbagai kesan terhadap kehidupan kita?

Saya teringat ketika masih menuntut di Universiti Malaya pada awal 80-an. Kedatangan surat dari keluarga memang dinanti-nantikan. Apa

tidaknya, surat itu akan menyelesaikan seketika masalah untuk mengisi perut atau melangsaikan hutang kepada rakan-rakan yang sama-sama mengharapkannya.

Kisah surat tidak sampai ke tangan penerima, hilang, kena curi dan sebagainya ini, bukan perkara baru. Beberapa tahun lalu, kita pernah didedahkan dengan kejadian posmen membuang surat.

Apa pun alasan perbuatan itu, termasuk sekiranya kerana memprotes terhadap beban kerja atau soal kebajikan serta menuntut kenaikan gaji, ia

tetap satu perbuatan pecah amanah.

Saya sengaja membicarakan soal amanah ini kerana ia sudah menjadi satu daripada penyakit dalaman manusia. Lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai

kuasa dan kedudukan, amat terdedah kepada perbuatan pecah amanah.

Amanah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang membawa maksud keamanan, ketenteraman dan keselamatan. Dalam pengertian nilai dan akhlak, amanah bermaksud menghargai kepercayaan orang lain terhadap kita dengan melaksanakan tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan itu.

Dalam konteks ini, amanah secara mudah dapat ditakrifkan sebagai melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang dituntut. Ia suatu perkara penting dalam kehidupan masyarakat. Semua peranan individu akan berkisar kepada amanah yang diletakkan kepadanya.

Apa pun pekerjaan yang kita buat di muka bumi ini, amanah adalah sifat yang tiada tolak ansur. Setiap insan yang bernafas di atas muka bumi ini, mempunyai amanah yang perlu disempurnakan. Dari serendah-rendah kedudukan sehinggalah setinggi-tinggi darjatnya, masing-masing bertanggungjawab terhadap apa yang diamanahkan.

Maka, amat tepat suatu ketika dulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan slogan 'Bersih, Cekap, Amanah' sebagai teras dan asas kepemimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN). Nilai-nilai murni ini adalah juga nilai asas yang dituntut Islam.

Sesungguhnya manusia diamanahkan Allah sebagai khalifah untuk memakmurkan muka bumi ini sebagaimana firman-Nya yang bermaksud, "Wahai orang beriman. Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya)." (Al-Anfal, 8:27)

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)." (An-Nisa, 4:58)

Ibu bapa diamanahkan memelihara anak-anak dan menjaga keluarga, suami terhadap isteri, guru terhadap murid, imam terhadap kariahnya, penghulu terhadap anak buahnya dan pemimpin terhadap rakyat.

Dalam masa yang sama pemimpin masyarakat perlu memainkan peranan aktif dalam menggerakkan masyarakat dan ahli-ahli di bawah pimpinannya ke arah mengamalkan sifat terpuji dan diterima umum.

Di bahu mereka yang memegang amanah ini tergalas cabaran. Namun, ia akan bertukar menjadi beban jika kita tidak ikhlas dalam menyempurnakan tanggungjawab itu.

Maka, apabila amanah diketepikan, pincanglah apa juga sistem kehidupan yang wujud dan huru-haralah masyarakat. Lebih buruk, porak-perandalah muka bumi ini.

Contoh yang paling nyata ialah kehancuran satu tamadun Islam di Iraq. Kekesalan sudah tiada erti lagi. Iraq telah menjadi padang jarak padang terkukur. Arang telah menjadi abu.

Akan berjayakah kita membentuk satu tamadun Melayu yang maju dan berdaya saing pada 2020 nanti? Tentu sekali ia amat bergantung kepada sama ada kepemimpinan yang ada hari ini memegang kuat kepada nilai-nilai amanah kerana amanah adalah asas kepada ketahanan umat, kestabilan negara, kekuasaan, kehormatan dan roh kepada keadilan.

Saya ingin mengakhiri penulisan ini dengan meminjam beberapa ungkapan Tenas Effendi dalam bukunya bertajuk Pemimpin dalam ungkapan Melayu yang

berbunyi: "Apabila pemimpin memegang amanah, negeri makmur rakyat semenggah. Apa tanda negeri bertuah, pemimpinnya kukuh memegang amanah. Bila pemimpin tak tahu diri, umat binasa, rosaklah negeri."